

Newspaper	Berita Harian
Date	28/4/2013

"Kita perlu melihat seseorang calon itu jika berkebolehan mampu berkhidmat dan boleh menyumbang kepada pentadbiran yang baik kepada rakyat, boleh mendatangkan idea dan mendatangkan manfaat kepada bangsa, negara dan agama, orang itu yang kita pilih"

"Kita tidak mahu orang Melayu ada tetapi sekadar hamba, jadi kuli orang. Memang Melayu takkan hilang tetapi takkan sekadar cuci kasut orang"



Wawancara BH menemuramah Dr Mahathir.

(FOTO NIK ROSLI ISHAK/BH)

BH - 28/4/2013

itu beratus badan bukan kerajaan (NGO) Melayu ditubuh untuk menjawab dakwaan begitu. Antaranya ialah Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) yang dilihat lebih popular daripada NGO lain. Oleh kerana itu mereka berani balas balik semua tuduhan itu. Ada orang Cina tanya kenapa saya sokong PERKASA. Saya jawab, apa akan jadi kepada BN kalau orang Cina tak sokong BN, begitu juga PERKASA yang kuat. Mana boleh menang kalau semua tidak sokong. Saya perlu sokong NGO Melayu ini untuk pastikan UMNO menang. Dalam hal dia bertanding, saya lihat dia berpeluang menang jika bertanding dua penjur. Jika UMNO lawan juga, jadi tiga penjur, pasti PAS akan menang. Ia akan pecah undi UMNO dan PERKASA. Ibrahim berbeza dengan beberapa ahli atau pemimpin UMNO yang bertanding atas tiket Bebas kerana mereka lebih kepada kecewa. Itu perjuangan peribadi, Ibrahim pula perjuangan prinsip. Dia mahu mempertahankan orang Melayu apabila diserang bukan Melayu. Walaupun dia bukan UMNO, Ibrahim sokong UMNO dan Najib, dia menentang PAS. Orang UMNO jangan jadi bodoh tidak menyokong Ibrahim.

"Saya kurang suka adik-beradik atau kawan diangkat sebagai calon. Saya tegah anak saya berpolitik ketika saya jadi Perdana Menteri. Mukhriz tidak ambil bahagian sampailah saya letak jawatan"

S: Ada kemungkinan ahli UMNO yang bertanding Bebas akan beri kesan kepada kemenangan BN di kerusi mereka?

J: Kesan hanya sehari dua. Saya ada dengar satu dua bilik gerakan ditutup tetapi itu perkara

biasa. Namun, selepas melihat jiwa UMNO bangkit semula, mereka kembali berkempen untuk BN. Bilik gerakan dibuka kembali.

S: Bagaimana pula dengan tindakan Tan Sri Muhammad Muhd Taib menyertai PAS?

J: Kita (UMNO) patutnya sudah lama buang dia. Ketika dia jadi Menteri Besar, dia bawa duit RM3 juta ke Australia. Kemudian, apabila dia didakwa, kononnya dia tidak faham bahasa Inggeris. Kita ketawa dan kita berhenti dia kerana tidak layak jadi Menteri Besar. PAS hendak ambil orang sebegini, sesuai dengan PAS. Bercakap soal Islam, kita tahu tahap mana Islam dia. Sekarang baru hendak cakap suruh pembaca berita pakai tudung, sedangkan kita tahu bagaimana dia dulu. Dia nak bercakap soal duit bolehlah.

S: Pembangkang dilihat sampai hari ini tidak mampu bersatu dalam isu hudud PAS. Apakah kesimpulan terhadap senario itu?

J: Ini seperkara lagi mengenai hal hudud. Saya hendak tulis artikel berkenaan perkara ini nanti. PAS dan DAP sebenarnya cuba tipu orang ramai. PAS dakwa mereka masih kuat dengan hudud, kononnya untuk timbulkan rasa yang mereka masih kuat perjuangan perkara ini. Namun, sebenarnya PAS tahu yang mereka mustahil dapat melaksanakan hudud kerana perlu pindaan Perlembagaan iaitu mendapatkan undi dua pertiga di Parlimen, sedangkan calon mereka tidak sampai dua pertiga. Hendak dapat dua pertiga, perlu mendapatkan persetujuan DAP, sedangkan ia mustahil. Maka, bagaimana hudud boleh dilaksanakan. DAP pula kononnya mahu menunjukkan kepada orang Cina yang mereka menentang hudud untuk meraih sokongan, sedangkan sebenarnya mereka tahu yang PAS tidak akan dapat laksanakan. Sebenarnya kedua-duanya menipu. Auta saja.

S: Kali ini dilihat ramai calon adik-beradik yang bertanding. Ada yang katakan ia satu senario yang tidak bagus. Apa komen Tun berkenaan perkara ini?

J: Memang sebenarnya saya kurang suka adik-beradik atau kawan diangkat sebagai calon. Saya sendiri tegah

anak saya berpolitik ketika saya jadi Perdana Menteri. Mukhriz tidak ambil bahagian sampailah saya letak jawatan. Namun, kita kena ingat, jika orang itu memang berbakat, tidak bolehlah kita tolak. Pilih yang tidak berbakat kerana dia adik beradik, itu memang salah. Jika memang individu itu bergeliga dan boleh menyumbang, tidak patutlah kita nafikan. Itupun saya masih ditubuh nepotisme kerana Mukhriz bertanding. Kerana itulah saya elak ini berlaku sehingga saya berhenti. Tidak patutlah saya halang dia bertanding sampai bila-bila. Dia sudah dewasa dan bekerja sendiri. Tempat yang ditandinginya juga bukan tempat saya. Saya hanya sokong selepas dia dipilih jadi calon.

S: Sejauh mana kebenaran dakwaan nama Tun dikaitkan dengan dua calon Bebas yang bertanding menentang calon PAS iaitu Datuk Ibrahim Ali dan Datuk Zulkifli Noordin?

J: Soal mengenai Ibrahim Ali perlu difahami begini. Ketika UMNO lemah, orang Cina serang BN sampai kata orang Melayu juga pendatang. Ramai orang Melayu kecewa kerana UMNO tidak mampu menjawab. Oleh kerana

S: Orang muda ketika ini tidak suka disajikan dengan sejarah kerana bagi mereka, kini adalah kini dan dulu adalah dulu. Bagaimana semangat perjuangan zaman Tun dapat diserapkan kepada mereka?

J: Ada pepatah Inggeris yang berbunyi, those who forget the lesson of history will repeat the mistake over and over again. Sejarah memainkan peranan yang besar dalam menentukan berjaya atau tidak seseorang atau bangsa. Tidak ada orang yang berjaya begitu saja. Kita perlu tahu dari mana kita datang. Kkuatir nanti, kita sangka mara ke depan tetapi sebenarnya sedang berundur. Sejarah penjajahan, perjuangan untuk kemerdekaan dan pembangunan negara perlu diambil kira. Orang Melayu punya panjang pantunnya - 'Pulau Pandan jauh ke tengah, Gunung Daik bercabang tiga; hancur badan dikandung tanah, budi baik dkenang juga,' tapi cakup saja. Saya tolong banyak orang tapi tikam belakang saya balik sebab tak ada budi baik.

S: Nasihat Tun kepada pengundi Melayu?

J: Yang memecah-belahkan kita adalah politik, bukan Islam. Dalam Islam kita sama. Dulu kita bersatu tanpa ambil kira asal usul dan pelajaran. Semuanya bersatu dalam UMNO menentang British dengan konsep Melayan Union. Kita mampu kerana bersatu. Kini, kita berpecah kerana masing-masing berebut. Orang Melayu masih tidak matang dalam berpolitik. Apa saja kita jelaskan, dia tidak mahu juga dengar. Kita mahu orang Melayu tukar nilai hidup dan budaya mereka serta kembali kepada ajaran Islam seperti yang ada dalam al-Quran. Kita tidak mahu orang Melayu ada tetapi sekadar hamba, jadi kuli orang. Memang Melayu takkan hilang tetapi takkan sekadar cuci kasut orang.